

**MALAYSIA**  
**DEWAN RAKYAT**  
**ATURAN URUSAN MESYUARAT**

**NASKAH SAHIB/BAHASA MALAYSIA**

<http://www.parlimen.gov.my>

**HARI KHAMIS, 16 OGOS 2018, PUKUL 10.00 PAGI**

**Bil. 9**

---

**WAKTU PERTANYAAN-PERTANYAAN MENTERI**

1. PR-1411-MQT0103  
**Dato' Dr. Noraini Ahmad [ Parit Sulong ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah tindakan atau inisiatif yang akan dilaksanakan oleh Kementerian terhadap 13,700 orang pengasuh kanak-kanak yang berusia kosong hingga 4 tahun yang berdaftar tetapi masih tidak memenuhi kelayakan minimum lulus Kursus Asuhan dan Didikan Awal PERMATA (KAP) ini.
  
2. PR-1411-MQT0109  
**Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [ Bandar Kuching ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah kes secara terperinci Hand, Foot and Mouth Disease (HFMD) di Sarawak dan langkah-langkah pencegahan yang telah dilakukan termasuk apakah kriteria yang digunakan untuk menilai sama ada sebuah taska atau tadika perlu ditutup disebabkan penyakit ini.
  
3. PR-1411-MQT0096  
**Tuan Oscar Ling Chai Yew [ Sibul ]** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah tindakan yang telah atau akan diambil untuk menyelesaikan isu warga asing yang menjalankan perniagaan tanpa lesen yang berniaga di Sarawak terutamanya Sibul.

**MALAYSIA**  
**DEWAN RAKYAT**  
**ATURAN URUSAN MESYUARAT**

**NASKAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA**

<http://www.parlimen.gov.my>

**HARI KHAMIS, 16 OGOS 2018, PUKUL 10.00 PAGI**

**Bil. 20**

---

**WAKTU PERTANYAAN-PERTANYAAN MENTERI**

---

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**

1. PR-1411-L00911  
**Puan Maria Chin binti Abdullah [ Petaling Jaya ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan statistik perkahwinan di bawah umur 18 tahun serta menjelaskan bagaimana undang-undang menjaga kebajikan kanak-kanak dan remaja yang terlibat supaya mereka dilindungi daripada eksploitasi.
  
2. PR-1411-L00610  
**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [ Kinabatangan ]** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan apakah usaha yang akan dijalankan oleh Kementerian bagi menambah jumlah anggota tentera bagi kaum Cina dan India.
  
3. PR-1411-L00095  
**Dr. Azman bin Ismail [ Kuala Kedah ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan rancangan pihak Kementerian untuk menaik taraf dan mengatasi masalah air pasang melimpah di Terminal Feri Kuala Kedah.
  
4. PR-1411-L01407  
**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [ Pasir Salak ]** minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan :-
  - (a) kedudukan ekonomi negara masa kini dan jangkaan pertumbuhan ekonomi masa pendek, sederhana dan panjang; dan

- (b) kedudukan pemilikan ekonomi di antara kaum-kaum di Malaysia.
5. PR-1411-L00389  
**Tuan Ali bin Biju [ Saratok ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan jumlah peruntukan yang akan disalurkan kepada Kerajaan Negeri Sarawak bagi melaksanakan projek pembekalan air luar bandar dan Rural Electrification Scheme (RES).
6. PR-1411-L00519  
**Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [ Bachok ]** minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah Kementerian mempunyai usaha dan inisiatif khas untuk memperkenalkan budaya timur kepada pelancong asing agar mereka menghormati budaya yang diamalkan di negara kita.
7. PR-1411-L00834  
**Tuan Willie anak Mongin [ Puncak Borneo ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan secara terperinci status menaik taraf Jalan Padawan yang telah diumumkan oleh bekas Perdana Menteri Najib Razak yang terletak di kawasan parlimen Puncak Borneo. Adakah peruntukan telah diluluskan dan bila projek ini akan dilaksanakan.
8. PR-1411-L00180  
**Tuan Robert Lawson Chuat [ Betong ]** minta **MENTERI INDUSTRI UTAMA** menyatakan :-
- (a) sama ada Kementerian masih meneruskan bantuan kepada pekebun kecil kelapa sawit dan lada di Sarawak; dan
- (b) sama ada Kementerian masih meneruskan bantuan untuk membina jalan ladang pekebun kecil luar bandar dan sekiranya ada, berapakah peruntukan untuk negeri Sarawak bagi tahun 2017-2018.
9. PR-1411-L00334  
**Tuan Teh Kok Lim [ Taiping ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan kaedah Kerajaan dalam pengawalan keselamatan pemancaran Telco Tower dan pendekatan yang telah/akan digunapakai dalam proses pemantauan pembinaan Telco Tower.

10. PR-1411-L00079  
**Datuk Zakaria bin Mohd. Edris @ Tubau [ Libaran ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah kajian yang telah dilakukan oleh Kerajaan dalam memastikan bahawa langkah penjimatan yang dilakukan kini khususnya penjimatan dalam aspek pembangunan tidak akan menjejaskan pertumbuhan ekonomi memandangkan pembangunan merupakan komponen penting yang menyumbang kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).
11. PR-1411-L01268  
**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [ Batu Gajah ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah permohonan, jumlah temu duga dan jumlah tawaran bagi melanjutkan pelajaran di peringkat Ijazah Kedoktoran di bawah program STEM. Nyatakan pengambilan mengikut pecahan kaum dan kaedah pemilihan yang dilakukan oleh Kementerian.
12. PR-1411-L00320  
**Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [ Kuala Krai ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Projek Bantuan Khas Kerajaan Persekutuan kepada Pondok dan Sekolah Menengah Agama Rakyat akan diteruskan dan berapakah jumlah yang diperuntukkan setiap tahun bermula dari tahun 2015, 2016 dan 2017.
13. PR-1411-L00966  
**Tuan Noor Amin bin Ahmad [ Kangar ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jelaskan sama ada dengan pemansuhan GST, kita akan kembali banyak bergantung kepada hasil minyak dan gas sebagai sumber hasil negara.
14. PR-1411-L00831  
**Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [ Pengkalan Chepa ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan jumlah kemalangan maut sepanjang musim perayaan Hari Raya Puasa lalu dan dibuat perbandingan sejak 10 tahun lalu. Apakah pendekatan terbaru yang dilakukan oleh Kerajaan dalam mengurangkan kemalangan maut.
15. PR-1411-L00323  
**Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [ Kapar ]** minta **MENTERI TENAGA MANUSIA** menyatakan tindakan terhadap syarikat-syarikat yang menutup operasi tetapi tidak membayar pampasan terhadap pekerja dan masih aktif menjalankan perniagaan dalam syarikat yang lain pula.

16. PR-1411-L00638  
**Dato' Mohd. Nizar bin Haji Zakaria [ Parit ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah status terkini Program *Youth Exchange and Study Programme*:-
- (a) apakah impak yang diterima oleh pelajar melalui program tersebut; dan
  - (b) adakah program ini mendapat sambutan menyeluruh oleh setiap pelajar di Malaysia.
17. PR-1411-L00042  
**Tuan Jonathan Yasin [ Ranau ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah kutipan hasil yang telah diperolehi oleh LHDN Sabah pada tahun 2013.
18. PR-1411-L01154  
**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [ Paya Besar ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah status pelaksanaan Program Latihan Kemahiran Industri ECRL (PLKI-ECRL) iaitu kerjasama antara Malaysia Rail Link (MRL) dan kontraktor utama ECRL serta Universiti Malaysia Pahang (UMP) sebelum ini iaitu China Communications Construction Company (CCCC) susulan perkembangan terkini pembinaan ECRL yang masih belum mempunyai keputusan rasmi dari Kerajaan.
19. PR-1411-L01173  
**Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [ Pasir Puteh ]** minta **MENTERI TENAGA MANUSIA** menyatakan apakah perancangan Kementerian dalam mengurangkan kebergantungan kepada tenaga rakyat asing dan memanfaatkan tenaga rakyat tempatan.
20. PR-1411-L00465  
**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [ Limbang ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan apakah status pemasangan bekalan elektrik luar bandar di Rumah Jampong, Melaban dan Rumah Lawai, Selidong.
21. PR-1411-L00890  
**Tuan Akmal Nasrullah bin Mohd. Nasir [ Johor Bahru ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan langkah-langkah yang akan diambil bagi mengurangkan tempoh waktu menunggu untuk rakyat Malaysia mendapatkan rawatan-rawatan di klinik-klinik dan hospital Kerajaan.

22. PR-1411-L00436  
**Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [ Batang Sadong ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah pendirian yang diambil oleh Kementerian terhadap penggunaan Bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar di sekolah-sekolah di negeri Sarawak.
23. PR-1411-L00012  
**Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew [ Wangsa Maju ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan bercadang memindahkan SPR kepada Parlimen bagi memastikan badan ini menjalankan tugasnya secara bebas dan adil.
24. PR-1411-L00028  
**Tuan William Leong Jee Keen [ Selayang ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah perancangan Kerajaan bagi menghapuskan rasuah, penyalahgunaan kuasa dan pembaharuan yang akan dilakukan untuk memastikan anggota pasukan polis tidak terlibat dalam kegiatan-kegiatan ini.
25. PR-1411-L00458  
**Datuk Seri Dr. Adham bin Baba [ Tenggara ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan bagaimana dan apakah langkah Kementerian agar industri *livestock* lembu boleh diberi kekuatan daripada segi harga runcit pada pengguna berbanding dengan harga daging lembu import yang dijual lebih murah di pasaran negara.
26. PR-1411-L00379  
**Puan Nor Azrina binti Surip [ Merbok ]** minta **MENTERI TENAGA MANUSIA** menyatakan statistik pengangguran dalam sektor swasta bagi tahun 2013 hingga 2017, mengikut sebab-sebab pengangguran seperti pemberhentian kerja (*retrench*, skim pemisahan sukarela (VSS), penutupan syarikat, peletakan jawatan dan pemecatan).
27. PR-1411-L00234  
**Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [ Lenggong ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan sejauh mana usaha Kerajaan dalam mengurangkan kadar duti eksais kereta import pada ketika ini dan langkah-langkah yang telah dilaksanakan bagi menurunkan harga kereta tempatan agar ia wajar dibeli oleh rakyat dengan kualiti yang lebih baik.

28. PR-1411-L00748  
**Tuan Wong Kah Woh [ Ipoh Timur ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah permohonan status warganegara yang masih belum diluluskan sehingga kini mengikut kategori umur. Nyatakan kenapa setiap permohonan pertama akan ditolak tanpa sebarang sebab diberikan dan apakah SOP dan tempoh masa untuk mengendalikan setiap permohonan tersebut.
29. PR-1411-L01234  
**Brig Jen Khairy Jamaluddin [ Rembau ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pendirian Kerajaan berhubung permohonan semakan status Pulau Batu Puteh di Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ).
30. PR-1411-L00148  
**Dato' Johari bin Abdul [ Sungai Petani ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-
- (a) berapakah premis yang menjalankan kegiatan mesin judi haram kini di Sungai Petani ; dan
  - (b) kenapa tindakan menutup premis ini gagal dijalankan dan apakah halangan utama yang menyebabkan penutupan ini tidak boleh dilakukan.
31. PR-1411-L01329  
**Datuk Dr. Jeffrey Gapari Kitingan [ Keningau ]** minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan memandangkan tindakan mahkamah oleh Petronas terhadap Kerajaan Sarawak tidak dibenarkan oleh Mahkamah Persekutuan dan akibatnya memerlukan Petronas mematuhi kawalan selia undang-undang oleh Kerajaan Sarawak berkuatkuasa dari 1 Julai 2018, adakah Kerajaan Persekutuan mengkehendaki Petronas mematuhi kawalan selia undang-undang oleh Kerajaan Sabah menurut undang-undang negeri Sabah seperti Ordinan Tanah (Sabah Bab 68) dan Ordinan Perlombongan 1960 (Sabah).
32. PR-1411-L00856  
**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [ Lembah Pantai ]** minta **MENTERI WILAYAH** menyatakan dasar Kerajaan berkaitan penyelenggaraan dan penggantian lif rosak di PPR/Perumahan Awam Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

33. PR-1411-L00835  
**Puan Wong Shu Qi [ Kluang ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-
- (a) jumlah kes “mesin kuda” (judi haram) yang telah diambil tindakan setiap tahun oleh PDRM sejak tahun 2016 hingga suku kedua 2018; dan
  - (b) rancangan Kerajaan untuk membanteras judi haram seluruh negara.
34. PR-1411-L01287  
**Tuan Ahmad bin Hassan [ Papar ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah tindakan kepada pihak SPR yang terlibat dalam proses pilihan raya baru-baru ini yang mana enggan menandatangani borang 14 sehingga melambatkan proses SPR dalam menentukan keputusan pilihan raya baru-baru ini .
35. PR-1411-L00724  
**Dato' Hasbullah bin Osman [ Gerik ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan dengan pembubaran STING, STAGG dan STAFOC sebagai pasukan akan memberi kesan merugikan negara dan apakah cadangan baru bagi penambahbaikan serta kesan perbelanjaan pada negara.
36. PR-1411-L01380  
**Dato' Seri Tiong King Sing [ Bintulu ]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan :-
- (a) apakah langkah yang diambil oleh Kementerian untuk memastikan keselamatan pengguna jalan raya terjamin ketika kerja-kerja pembinaan Lebuhraya Pan Borneo sedang dijalankan ; dan
  - (b) apakah tindakan yang diambil ke atas para kontraktor yang gagal mematuhi piawaian keselamatan bagi menjamin keselamatan pengguna jalan-jalan tersebut.
37. PR-1411-L00246  
**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [ Bagan Serai ]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah kesan hubungan Malaysia dengan Singapura dan China jika projek-projek mega seperti HSR dan ECRL dibatalkan.

38. PR-1411-L01275  
**Tuan Arthur Joseph Kurup [ Pensiangan ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan perancangan strategik Kerajaan untuk membimbing golongan belia dari Generasi Y dan milenium terutama dalam bidang e-dagang bagi menghadapi masa depan ekonomi yang semakin mencabar.
39. PR-1411-L00908  
**Datuk Alexander Nanta Linggi [ Kapit ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan apa status yang terkini dengan pelaksanaan projek jalan sepanjang 5.1km dan sebuah jambatan menyeberangi Sungai Ngemah di kawasan perkampungan Ngungun, Ngemah, yang dinamakan sebahagian dari Seksyen B, Projek Jalan Kapit/Song/Temalat/Ngemah ke Knowit, Sarawak.
40. PR-1411-L00618  
**Dato' Dr. Noraini Ahmad [ Parit Sulong ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan apakah perancangan Kerajaan dalam melonjakkan pertumbuhan ekonomi dalam jangka masa singkat dan panjang setelah ketandusan pelaburan. Apakah strategi Kerajaan untuk menarik pelaburan asing dan juga pelabur baru.
41. PR-1411-L00940  
**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [ Lipis ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada Program Bantuan Sara Hidup yang dahulunya dikenali sebagai BR1M akan diteruskan ke semua peringkat termasuklah ke golongan generasi muda sepertimana yang dilaksanakan oleh Kerajaan terdahulu.
42. PR-1411-L00571  
**Datuk Zahidi bin Zainul Abidin [ Padang Besar ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kedudukan terkini rizab dan aliran tunai Lembaga Tabung Haji dan nyatakan berapakah jumlah Jemaah Haji yang akan mengerjakan ibadah Haji pada tahun 2018.
43. PR-1411-L01228  
**Dr. Hasan bin Bahrom [ Tampin ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status projek pembangunan Ladang Tabung Haji di Gemas dan apakah masalah yang dihadapi projek tersebut.

44. PR-1411-L00494  
**Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [ Tanah Merah ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan sejak 10 Mei 2018 berapakah jumlah pelabur asing yang menarik keluar pelaburan dari negara ini.
45. PR-1411-L01153  
**Dato' Seri Mahdzir bin Khalid [ Padang Terap ]** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan kaedah-kaedah dan mekanisma-mekanisma baharu yang akan diusahakan oleh Kerajaan bagi menangani isu pemilikan rumah mampu milik di kalangan golongan muda di Malaysia.
46. PR-1411-L00288  
**Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [ Setiawangsa ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan bagaimana Kerajaan melihat cadangan penubuhan Majlis Seni (Arts Council) untuk memelihara kebebasan seniman, memajukan bidang seni dan lakonan di Malaysia serta menjaga kebajikan seniman boleh dilaksanakan.
47. PR-1411-L01013  
**Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof [ Petrajaya ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan apakah status projek-projek infra rakyat di bawah Kementerian terutamanya di Sarawak seperti projek jalan, bekalan api dan bekalan air.
48. PR-1411-L00406  
**Datuk Seri Panglima Madius Tangau [ Tuaran ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bilakah Kerajaan Persekutuan akan melaksanakan janji memberi 40 peratus daripada kutipan cukai persekutuan kepada negeri Sabah.
49. PR-1411-L01131  
**Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli [ Dungun ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan dasar baru Kerajaan terhadap guru-guru dan pensyarah-pensyarah yang terlibat dengan politik pembangkang.
50. PR-1411-L01317  
**Dato' Henry Sum Agong [ Lawas ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan status cadangan Projek Lapangan Terbang baru Lawas.

51. PR-1411-L00050  
**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji [ Jelutong ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sama ada Kementerian berhasrat untuk menaik taraf sesetengah Hospital Kerajaan khususnya Hospital Besar Pulau Pinang dan Hospital Seberang Jaya yang tidak lagi mampu menerima dan memberikan rawatan kepada pesakit yang semakin meningkat serta meningkatkan kualiti rawatan sebagai contoh, baru-baru ini berlaku kes kematian di Hospital Seberang Jaya akibat kecuaiannya para kakitangan hospital tersebut.
52. PR-1411-L00135  
**Dato' Haji Mohd Fasih bin Haji Mohd Fakeh [ Sabak Bernam ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan setakat manakah ancaman golongan liberalisme Islam terhadap aqidah dan pegangan umat Islam di negara ini.
53. PR-1411-L00672  
**Laksamana Muda Dato' Pahlawan Danyal Balagopal Abdullah (B) [ Port Dickson ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah Ketua Polis Negara diberi KPI di dalam Malaysia Baharu ini untuk membanteras, membendung dan menghapus aktiviti-aktiviti gangster dan jenayah justeru apakah operasi-operasi yang akan dilaksanakan oleh pihak polis untuk membuat operasi-operasi yang lebih berkesan daripada "Operasi Copperhead" yang pernah dijalankan.
54. PR-1411-L01256  
**Datuk Seri M. Saravanan [ Tapah ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapa ramai graduan yang telah dilahirkan oleh UPSI (Universiti Pendidikan Sultan Idris). Antara mereka berapa ramaikah graduan UPSI yang telah diserap ke dalam sektor perkhidmatan Kerajaan.
55. PR-1411-L01338  
**Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican [ Kepala Batas ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kos sebenar (*real and hidden costs*) di sebalik ikhtiar pemansuhan dan pembatalan GST yang dijanjikan oleh Kerajaan sebagai teras manifesto dalam PRU yang baru lalu.
56. PR-1411-L00811  
**Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [ Ledang ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilakah semua anggota pentadbiran termasuk Menteri, Timbalan Menteri dan Setiausaha Politik akan mengisytiharkan harta masing-masing dan adakah didedahkan kepada awam secara telus bagi mencegah kemungkinan amalan rasuah.

57. PR-1411-L00559  
**Dato' Seri Dr. Santhara [ Segamat ]** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan berapakah jumlah lesen yang diluluskan bagi pusat hiburan keluarga, karaoke, dan pusat perjudian berbanding dengan yang beroperasi secara haram mengikut kawasan Parlimen di negeri Johor khasnya Parlimen Segamat.
58. PR-1411-L00534  
**Tuan Hassan bin Abdul Karim [ Pasir Gudang ]** minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan kenapakah syarikat-syarikat asing memonopoli kerja-kerja di Projek RAPID Petronas sehinggakan syarikat-syarikat Malaysia sendiri terpaksa seakan-akan mengemis kepada syarikat-syarikat asing tersebut.
59. PR-1411-L01413  
**Puan Hajah Natrah binti Ismail [ Sekijang ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan senarai perbelanjaan daripada hasil kutipan GST sebelum ini dan adakah wujudnya sebarang bentuk penyelewengan terhadap kutipan hasil cukai ini.
60. PR-1411-L(5)00005  
**Tuan Khoo Poay Tiong [ Kota Melaka ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada Kerajaan yang lepas ada menjalankan operasi perisikan komunikasi (terutamanya terhadap telefon, whatsapp dan emel) terhadap ahli-ahli politik dan aktivis-aktivis NGO.

[ Pertanyaan di bawah PM.22(5) ]

61. PR-1411-L(5)00006  
**Tuan Ma'mun bin Sulaiman [ Kalabakan ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah usaha yang dilakukan oleh Kementerian untuk membela graduan-graduan pendidikan universiti awam yang dilatih menjadi guru tetapi sukar mendapatkan kerja di sekolah swasta. Bagaimana pula nasib 3392 graduan pendidikan universiti awam yang telah ditemuduga oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan pada bulan April 2018. Bilakah keputusan temuduga tersebut akan diumumkan.

[ Pertanyaan di bawah PM.22(5) ]

**ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL**

1. ( D.R.14/2018 ) Rang Undang-undang Antiberita Tidak **Bacaan Kali**  
Benar (Pemansuhan) 2018 **Yang Kedua**  
  
[ Menteri di Jabatan Perdana Menteri ]
2. ( D.R.16/2018 ) Rang Undang-undang Suruhanjaya "   
Pengangkutan Awam Darat   
(Pembubaran) 2018   
  
[ Menteri Pengangkutan ]
3. ( D.R.17/2018 ) Rang Undang-undang Pengangkutan "   
Awam Darat (Pindaan) 2018   
  
[ Menteri Pengangkutan ]

4. **Menteri Kewangan** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat mengambil ketetapan supaya Ketua Audit Negara dan Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam menyiasat semula penyelewengan dan skandal 1MDB dan syarikat-syarikat berkaitan supaya maruah Dewan ini dapat dipulihkan: dan bahawa segala maklumat berkaitan harus didedahkan kepada umum."

5. **Menteri Perumahan Dan Kerajaan Tempatan** akan mencadangkan :-

"**BAHAWA** Pada hari Selasa, 7 Ogos 2018, Yang Berhormat Kinabatangan, Dato' Sri Bung Moktar bin Radin, telah mengeluarkan perkataan biadap dan tidak sopan semasa perbahasan Rang Undang-Undang Cukai Jualan 2018 dan menyebabkan beberapa ahli bangun membantah. Namun Yang Berhormat Kinabatangan telah menarik balik perkataan yang disebut setelah teguran dibuat.

**BAHAWA** Dewan yang mulia ini memandang serius perbuatan Yang Berhormat Kinabatangan yang mana Yang Berhormat Kinabatangan telah diberi amaran oleh Yang di-Pertua pada hari Khamis, 9 Ogos 2018 bahawa Yang Berhormat Kinabatangan akan diarahkan keluar Dewan jika mengulangi perbuatan tersebut. Penggunaan perkataan yang kurang sopan (biadap) oleh Yang Berhormat Kinabatangan telah menyinggung Ahli-ahli Parlimen terutamanya Ahli Parlimen Wanita kerana ianya mencemarkan prestij dan nama baik Dewan yang mulia ini.

**MAKA INILAH DIPERSETUJUI BAHAWA** Yang Berhormat Dato' Sri Bung Moktar bin Radin, Ahli Parlimen Kinabatangan dirujuk kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan di atas perbuatan Yang Berhormat yang boleh dianggap sebagai menghina Majlis.

6. **Menteri di Jabatan Perdana Menteri** akan mencadangkan :-

"Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 86(5), maka Penyata Jawatankuasa Dewan dibentangkan di atas Meja Mesyuarat di dalam Dewan ini sebagai Kertas DR.6 Tahun 2018 hendaklah diterima dan dipersetujukan."

7. PR-1411-U(27)003

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan ini menggesa supaya Menteri Pendidikan memperjelaskan Selaras dengan manifesto Pakatan Harapan, Kementerian harus memberi pengiktirafan segera ke atas pelajar Sijil Peperiksaan Bersepadu (*Unified Examination Certificate-UEC*) supaya lepasan UEC boleh memohon untuk kemasukan universiti awam sesi pengambilan 2018/2019 yang bermula pada awal September 2018."

**[ Menteri Pendidikan ]**

8. PR-1411-U(27)004

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** akan mencadangkan :-

"Kementerian perlu mempunyai satu pendekatan yang sistematik dalam menyalurkan peruntukan tahunan dan dana khas untuk pembangunan serta penyelenggaraan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC), Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Cina (SMJK) (*confirming school*) dan Sekolah Menengah Persendirian Cina (SMPC) tanpa mengabaikan Sekolah Kebangsaan serta sekolah aliran lain Kementerian juga perlu mengumumkan garis panduan kelulusan pembinaan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) yang baharu serta penempatan semula SJK(C) yang kurang murid ke kawasan yang mempunyai kepadatan penduduk yang tinggi seharusnya menjadi sebahagian daripada perancangan pendidikan oleh Kementerian agar SJK(C) turut menjadi arus perdana sistem pendidikan kebangsaan."

**[ Menteri Pendidikan ]**

9. PR-1411-U(27)005

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan ini mengambil satu ketetapan mengenai lambakan kes permohonan kewarganegaraan oleh kaum India dan Cina yang tertunggak sekian lama agar ia dapat diproses dengan segera serta diluluskan dalam tempoh tiga sehingga enam bulan."

**[ Menteri Dalam Negeri ]**

10. PR-1411-U(27)006

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Perdana Menteri untuk membatalkan projek kereta nasional baru apabila kegagalan Proton perlu diambil iktibar dan menumpu kepada usaha Kerajaan dalam menangani isu-isu industri automotif dalam negara serta memperkukuhkan industri automotif secara holistik selaras dengan Dasar Automotif Nasional."

**[ Menteri di Jabatan Perdana Menteri ]**

11. PR-1411-U(27)007

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Menteri Kewangan untuk membahaskan kaedah mengira hutang negara yang mengambil kira liabiliti luar jangkaan serta pajakan pengkongsian awam-swasta berbanding dengan kaedah antarabangsa seperti IMF dan jika Menteri menggesa untuk mengamalkan pengiraan baru ini, ia perlu dibentang untuk kelulusan dari Parlimen."

**[ Menteri Kewangan ]**

12. PR-1411-U(27)008

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Perdana Menteri untuk membentang butiran-butiran termasuk terma-terma dan tujuan yang terlibat dalam permintaan kredit yen dari Kerajaan Jepun dan ia dibahas dalam Dewan ini."

**[ Menteri di Jabatan Perdana Menteri ]**

13. PR-1411-U(27)009

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan apakah rancangannya untuk mempertingkatkan perkhidmatan pengangkutan awam dalam negara terutamanya di sekitar daerah Klang yang mana kesesakan lalu lintas dianggap mengakibatkan kehilangan 1.11% kepada 2.2% daripada KDNK terutamanya pengumuman pembatalan MRT3 telah dibuat."

**[ Menteri Pengangkutan ]**

14. PR-1411-U(27)001

**Tuan Fong Kui Lun [ Bukit Bintang ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan yang mulia ini akan mencadangkan kepada Kerajaan supaya memulihkan semula Pilihan Raya Kerajaan Tempatan bagi membolehkan warga kota memilih sendiri wakil-wakil untuk berkhidmat dalam Majlis Kerajaan Tempatan."

**[ Menteri Perumahan Dan Kerajaan Tempatan ]**

15. PR-1411-U(27)002

**Tuan Khoo Poay Tiong [ Kota Melaka ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan ini menyatakan kehilangan kepercayaan dan ketidakyakinan terhadap Timbalan Pengerusi Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR), iaitu Tan Sri Othman Bin Haji Mahmood, dan lima anggota SPR yang lain, iaitu Dato' Md Yusop Bin Haji Mansor, Datuk Haji Abdul Aziz Bin Khalidin, Haji Sulaiman Bin Haji Narawi, Dato' Bala Singam A/L Karupiah, dan Dato' Leo Chong Cheong, dan oleh itu menuntut agar mereka meletak jawatan sebagai anggota SPR dengan serta-merta."

**[ Menteri di Jabatan Perdana Menteri ]**

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT  
(DEWAN RAKYAT)**

<b><u>TAHUN</u></b> <b><u>2018</u></b>	<b><u>RISALAT/DOKUMEN</u></b>	<b><u>TARIKH</u></b> <b><u>DIBENTANGKAN</u></b>
DR. 6	Penyata Jawatankuasa Dewan, Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat	16 Ogos 2018
ST.55	Akta Cukai Pendapatan 1967 Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian)(No.11) 2016 P.U (A) 345/2016 yang diwartakan pada 22 Disember 2016 Berkuatkuasa mulai tahun taksiran 2016 hingga tahun taksiran 2018	16 Ogos 2018
ST.56	Akta Cukai Pendapatan 1967 Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian)(No.12) 2016 P.U (A) 346/2016 yang diwartakan pada 22 Disember 2016 Berkuatkuasa mulai tahun taksiran 2016 hingga tahun taksiran 2018	16 Ogos 2018
ST.57	AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967 Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No.12) 2016 (Pindaan)2017 P.U.(A) 144/2017 yang diwartakan pada 23 Mei 2017 Berkuatkuasa mulai 24 Mei 2017	16 Ogos 2018
ST.58	AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967 Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No.3) 2014 Pindaan 2017. P.U(A) 411/2017 yang diwartakan pada 27 Disember 2017. Berkuatkuasa mulai 28 Disember 2017	16 Ogos 2018
ST.59	AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967 Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No.11) 2016 (Pindaan) 2017 P.U(A) 412/2017 yang diwartakan pada 27 Disember 2017 Berkuatkuasa mulai 28 Disember 2017	16 Ogos 2018
ST.60	AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967 Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian)(No.12) 2016 (Pindaan) 2017 P.U(A) 413/2017 yang diwartakan pada 27 Disember 2017 Berkuatkuasa mulai 28 Disember 2017	16 Ogos 2018
ST.61	AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967 Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) 2018 P.U(A) 38/2018 yang diwartakan pada 14 Februari 2018 Berkuatkuasa mulai tahun taksiran 2014 hingga tahun taksiran 2015	16 Ogos 2018

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT  
(DEWAN RAKYAT)**

ST.62	AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967 Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No.2) 2018 P.U(A) 48/2018 yang diwartakan pada 21 Februari 2018 Berkuatkuasa mulai tahun taksiran 2016 hingga tahun taksiran 2020	16 Ogos 2018
ST.65	AKTA DADAH BERBAHAYA 1952. Peraturan-Peraturan Dadah Berbahaya (Pindaan) 2018	16 Ogos 2018
ST.69	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan Bagi Tahun 2017	16 Ogos 2018
ST.70	AKTA FI 1951 Perintah Fi (Planetarium Negara) 2018	16 Ogos 2018

**\*\*UCAPAN-UCAPAN  
( PERATURAN MESYUARAT 17 )  
( KAMAR KHAS )**

<b>Tarikh Ucapan</b>	<b>Ahli Yang Berucap</b>	<b>Tajuk Ucapan</b>	<b>Menteri Yang Bertanggungjawab</b>
1. 16.08.2018 (Khamis)	1. YB Tuan Akmal Nasrullah Bin Mohd. Nasir (Johor Bahru)	1. Tadbir Urus Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM)	1. YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri
2. 16.08.2018 (Khamis)	2. YB Dato' Dr. Haji Noor Azmi Bin Ghazali (Bagan Serai)	2. Memohon Kerajaan Menyelidik Dan Mengambil Tindakan Segera Perkara Berkaitan Projek RTB Lembangan Sungai Kerian	2. YB Menteri Air, Tanah Dan Sumber Asli

**\*\* Ucapan Di Bawah Usul Berkenaan Perkara Tadbir Kerajaan (Peraturan Mesyuarat 17)**